

10 JUL 2000

DR MAHATHIR Pengerusi Mesyuarat MT UMNO

PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, hanya seminggu selepas mesyuaratnya yang lalu yang berlangsung di Ipoh.

Mesyuarat MT biasanya diadakan dua minggu sekali.

Mesyuarat kali ini juga adalah yang pertama diadakan di Seri Perdana, kediaman rasmi Perdana Menteri di sini.

Yang turut hadir pada mesyuarat hari ini ialah Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir dan Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM) Datuk Nakhai Ahmad.

Kehadiran mereka memperkuatkan andaian bahawa mesyuarat itu akan membincangkan secara mendalam beberapa isu berkaitan agama termasuk penyalahgunaan Islam oleh pihak-pihak tertentu.

-- BERNAMA

MAM ES MAI